

Headline	MASIHKAH ADA RUANG		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	05 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	160,000
Page No	U6	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	807 cm ²
Journalist	SHAHRIZAL AHMAD ZAINI	AdValue	RM 10,257
Frequency	Daily	PR Value	RM 30,771



U6 THE BOS GAURUS

ULTRAS SINAR



Pemain import yang hadir seisi pemilihan

- Nama : **Imad Ghaddar**
 - Tarikh lahir : 31 Januari 1991 (23 tahun)
 - Asal : Lubnan
 - Posisi : Penyerang
 - Kelab terdahulu : Al-Akha'a Ahley
- Nama : **Marin Con**
 - Tarikh lahir : 8 Februari 1985 (29 tahun)
 - Asal : Rijeka, Croatia
 - Posisi : Pertahanan
 - Kelab terdahulu : NK Zadar
- Nama : **Damir Vidovic**
 - Tarikh lahir : 29 Februari 1988 (26 tahun)
 - Asal : Vinkovci, Croatia
 - Posisi : Penyerang
 - Kelab terdahulu : NK Zadar
- Nama : **Famirul Asyraf Sayuti**
 - Tarikh lahir : 17 November 1989 (24 tahun)
 - Asal : Pasir Mas, Kelantan
 - Posisi : Penyerang
 - Kelab terdahulu : Kelantan
- Nama : **Muhammad Aizat Jani**
 - Tarikh lahir : (26 tahun)
 - Asal : Shah Alam, Selangor
 - Posisi : Pertahanan
 - Kelab terdahulu : UiTM FC, Kelantan
- Nama : **Diego Santos**
 - Tarikh lahir : 9 Ogos 1987 (26 tahun)
 - Asal : Brazil
 - Posisi : Penyerang
 - Kelab terdahulu : Al-Akha'a Ahley

Famirul Asyraf (dua, kiri) pada sesi latihan bersama pasukan Kelantan.



MASIHKAH ADA RUANG

Kemenangan ubah persepsi

SHAHRIZAL AHMAD ZAINI

BANGKITLAH Yeop! Mungkin itu ungkapan paling sesuai bagi menyemarakkan semula semangat pemain Liga Super Perak musim ini untuk kembali bersaing dan memperbaiki kedudukan pada carta liga musim ini. Jika di peringkat awal liga lalu, pelbagai kata pujian dihamburkan kepada pasukan, namun kini sudah mula kedengaran pula pelbagai cacian serta kata-kata nista daripada penyokong. Apa tidaknya memang agak jarang dan tidak pernah terfikir sama sekali dalam kalangan penyokong bola sepak Perak untuk melihat The Bos Gaurus menghuni kedudukan tercorot Liga Super. Untuk rekod, kali terakhir Perak berada pada kelompok bawahan Liga Super adalah musim 2005, namun bangkit menduduki tempat ketiga pada akhir saingan liga selain mara ke final Piala FA sebelum tewas kepada Selangor serta suku akhir Piala Malaysia sebelum tewas kepada Perlis.



DAMIR VIDOVIC

Kini satu Malaysia menyaksikan pula skuad Kejur Yeop Skor itu gagal mengulangi kecemerlangan berkenaan berdasarkan kepada keputusan yang kurang memberangsangkan sejak akhir-akhir ini dan seterusnya menyaksikan Perak kini ter'perosok' pada kedudukan tercorot Liga Super musim ini.

TAK BERBALOI

Situasi berkenaan akhirnya menyaksikan pihak pengurusan pasukan terpaksa melaksanakan tindakan drastik dengan menamatkan kontrak import Bosnia, Zelemir Terkers diikuti import Brazil Eliel Da Cruz Guardiano kerana gagal memberi sumbangan sebagaimana yang dikehendaki.

Terbaru, pertahanan import dari Burkina Faso, Martin Kafando pula ditamatkan kontrak kerana mengalami kecederaan serius. Bagaimanapun, khidmat pemain import Kyaw Zayar Win yang juga kapten skuad kebangsaan bawah 23 tahun Myanmar dikekalkan berdasarkan prestasi semasa pemain berkenaan.

SILIH GANTI

Justeru sebagai ganti, pihak pengurusan pantas memeterai kontrak dua pemain import baharu, Imad Ghaddar dan Hasan Daher dari Lubnan dalam usaha memperkuat semula pasukan khususnya berdepan Selangor di Stadium Perak malam ini. Perlawanan yang boleh dianggap sebagai 'turning point' dalam menentukan hala tuju pasukan dalam saingan Liga Super musim ini.

Selain itu difahamkan, pihak pengurusan skuad Selangor juga sedang berurusan bagi membawa masuk pemain Kelantan, Famirul Asyraf Sayuti dan Muhammad Aizat Jani termasuk bekas penyerang sensasi, Razali Umar Kandasamy bagi memperkuat pasukan.



Imad Ghaddar (kiri), mengawal bola pada aksi bersama kelab lamanya NK Zadar.



MARIN CON



Muhammad Aizat turut dihabiskan bakal menyertai Perak.



Hasan Daher (kanan), ketika beraksi bersama kelab lamanya.